

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR BHARU ]**  
**TARIKH** : **30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan untuk menangani keadaan sumber *revenue* yang terhad berbanding komitmen subsidi, emolumen, pencen dan bayaran hutang.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komitmen kewangan Kerajaan, termasuklah subsidi, emolumen, pencen dan bayaran hutang, diperuntukkan kesemuanya di bawah belanja mengurus Kerajaan Persekutuan yang dibiayai melalui Akaun Hasil Disatukan. Sumber bagi Akaun Hasil Disatukan ini kebanyakannya adalah menerusi kutipan hasil tahunan, disumbang terutamanya hasil cukai Kerajaan. Justeru, Kerajaan amat peka dan proaktif dalam memastikan hasil yang mampan bagi tempoh pendek dan panjang, sekaligus dapat membiayai perbelanjaan tersebut. Dalam hal ini, bagi memastikan kutipan hasil yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan mengurus, maka Kerajaan perlu melaksanakan strategi meningkatkan hasil dan strategi mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

2. Antara langkah cukai yang telah diumumkan dalam Bajet 2022 yang dapat menjana kutipan hasil adalah melalui pengenaan cukai pendapatan kepada pemastautin di Malaysia ke atas pendapatan yang terbit daripada sumber di luar negara dan diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022.

Selain itu, produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dan *vape* akan dikenakan duti eksais, manakala duti eksais ke atas produk minuman bergula diperluaskan. Nombor pengenalan cukai (dengan izin, *Tax Identification Number* -TIN) juga akan dilaksanakan mulai tahun 2022 bagi memperluaskan asas cukai pendapatan.

3. Kerajaan turut mengumumkan cukai khas iaitu Cukai Makmur dalam Bajet 2022 secara *one-off* kepada syarikat selain perusahaan mikro, kecil dan sederhana (atau PMKS) yang menjana pendapatan bercukai luar biasa tinggi dalam tempoh pandemik COVID-19. Sementara itu, Program Khas Pengakuan Sukarela Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan turut dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2022.

4. Bagi memastikan kutipan hasil yang mampan, seperti yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2022, Kerajaan akan membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal pada 2022 di Dewan Yang Mulia ini dengan tujuan untuk meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal negara bagi memastikan kemampanan fiskal dan menyokong kestabilan ekonomi makro. Ini juga akan melihat pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana, atau dengan izin, Medium Term Revenue Strategy (MTRS) untuk mengkaji dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor tidak formal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan. Inisiatif daripada MTRS dijangka akan meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan serta merencanakan ekonomi negara dalam jangka sederhana.

5. Tambahan lagi, Kerajaan juga sedang melaksanakan Semakan Perbelanjaan Awam, atau dengan izin, Public Expenditure Review dengan kerjasama Bank Dunia bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam tanpa menjejaskan sistem penyampaian awam. Ini akan meningkatkan produktiviti perbelanjaan

awam bagi memastikan nilai faedah terbaik bagi setiap ringgit cukai yang dibayar oleh rakyat.

Tan Sri Yang di-Pertua,

6. Selain langkah peningkatan hasil, Kerajaan juga akan terus memantau prestasi perbelanjaan mengurus, termasuk emolumen dengan mengambil kira ruang fiskal yang terhad. Bagi memastikan Kerajaan mampu membiayai komitmen bayaran emolumen yang dianggar mencatat 86.5 bilion ringgit pada tahun 2022, rasionalisasi perbelanjaan serta semakan dasar sedia ada akan sentiasa dilaksanakan berdasarkan keutamaan perbelanjaan seiring dengan prestasi kutipan hasil tahunan. Kerajaan juga akan sentiasa memastikan saiz penjawat awam berada pada had yang optima bagi mengawal perbelanjaan ini. Di samping itu, Kerajaan turut mengkaji dan menyemak dasar sedia ada bagi perbelanjaan lain, seperti bayaran persaraan, dan subsidi, bagi memastikan ia tidak memberi beban jangka masa panjang ke atas kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

7. Pada masa yang sama, bagi memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan mengguna pakai Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal jangka sederhana, iaitu dalam tempoh 3 hingga 5 tahun, yang selari dengan pelan pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Perancangan jangka sederhana ini penting bagi memastikan Kerajaan mempunyai ruang fiskal yang selesa dan mencukupi untuk membiayai pembangunan dan melaksanakan langkah kitaran balas dalam menangani situasi luar jangka pada masa hadapan, sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.